

08/02/2003

MAS pajak Airbus A380 pada harga lebih rendah

Mohd Azlan Jaafar

KERAJAAN akan menggunakan keupayaannya mendapatkan pembiayaan pada kos rendah bagi pembelian enam pesawat "Super Jumbo" Airbus A380 oleh Penerbangan Malaysia Bhd (PMB), syarikat induk Penerbangan Malaysia (MAS),

kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, pembiayaan itu akan disediakan kepada PMB yang dimiliki kerajaan bagi membolehkan pesawat itu

dipajak kepada MAS pada kadar yang lebih rendah berbanding jika ia menyewa

pesawat daripada syarikat lain.

Katanya, pembayaran bagi pembelian enam pesawat itu juga tidak perlu dilakukan sekali gus.

"Kerajaan mempunyai akses kepada dana pada kadar lebih murah dan kita akan cari jalan untuk menyediakan dana itu.

"Kemudian kita akan pajakkannya kepada MAS. Jika MAS menyewa pesawat berkenaan daripada syarikat lain, kosnya akan lebih tinggi kerana syarikat

penyewa terpaksa membayar kadar faedah lebih tinggi," katanya pada sidang

akhbar selepas Majlis Pelancaran E-Syariah di Hotel Marriot Putrajaya, semalam.

PMB dilaporkan menandatangani perjanjian dengan Airbus Industrie bagi pembelian enam pesawat Airbus A380 yang juga pesawat komersial terbesar di dunia.

PMB, syarikat kerajaan yang mengambil alih semua aset penerbangan MAS akan memajakkan pesawat berkenaan kepada MAS.

Pembelian itu dikatakan sejajar pengembangan operasi MAS yang membabitkan tambahan destinasi penerbangan baru termasuk ke China.

Pesawat dua tingkat itu mampu membawa 555 penumpang dan krew serta sesuai untuk penerbangan terus jarak jauh tanpa henti. Seunit pesawat itu

dianggarkan bernilai AS\$240 juta (RM912 juta).

Perdana Menteri yang ditanya sama ada akan mengeluarkan bon atau instrumen kewangan lain bagi tujuan itu berkata: "Kita akan lihat cara terbaik membiayainya".

Pada masa sama, Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu mengkaji keperluan MAS termasuk sama ada memerlukan kapal terbang yang lebih pantas atau yang

mampu membawa penumpang lebih ramai.

"Dalam kes tertentu, hak pendaratan terhad. Jika kita guna pesawat kecil

dan dapat sampai lebih cepat, jumlah penumpang yang dibawa adalah kecil,"

katanya.

Pembelian pesawat Airbus A380 oleh PMB itu dilihat sebagai sokongan kepada program timbal balas perniagaan antara Malaysia dan Perancis.

Syarikat Malaysia, Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) terbabit dalam pengeluaran pelbagai komponen untuk beberapa pesawat Airbus termasuk A380.